




NOTA RUJUKAN

[BAGI KES-KES RAYUAN]

A. PROSES RAYUAN



B. PERKARA YANG BOLEH DIRAYU BERKAITAN PERKARA BERIKUT

1. Peruntukan undang-undang/ prosedur
 - 2.1. Anda boleh buat rayuan kerana prosedur LTT tidak dipatuhi.
 - 2.2. Anda boleh buat rayuan terdapat kesalahan teknikal dimana-mana bahagian prosiding LTT tersebut (contoh: kesilapan kertas pertuduhan, kesilapan fakta di kertas pertuduhan dll)
 - 2.3. Anda boleh buat rayuan jika anda tidak diberi maklumat yang cukup berkaitan kesalahan anda itu.
2. Fakta representasi
 - 2.1. Anda boleh ulang semua fakta representasi dengan menerangkan yang lain tetapi tidak sehingga mengubah jauh maksud asal.
 - 2.2. Anda boleh mengemukakan bukti untuk menguatkan fakta representasi itu.
3. Terkhilaf faham fakta
 - 3.1. Sila masukkan penerangan jika anda merasakan LTT telah tersilap faham fakta yang diberikan
 - 3.2. Boleh masukkan keterangan jika anda merasakan fakta yang anda kemukakan telah tersilap tulis atau penerangan yang tidak jelas.
4. Anda boleh memohon kepada Lembaga Rayuan untuk memanggil anda bagi memberi penjelasan secara lisan. **Tetapi, Lembaga Rayuan boleh menolak permohonan ini. Lembaga Rayuan boleh buat keputusan dengan membaca permohonan rayuan bertulis ini sahaja.**

C. PERKARA-PERKARA YANG DIAMBIL KIRA DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

1. Setakat mana kesalahan pegawai tersebut memburuk atau mencemarkan nama perkhidmatan awam dan jabatan.
2. Keadaan persekitaran yang boleh meringankan atau memberatkan hukuman.
3. Jika kes tersebut berkaitan dengan kesalahan terhadap kakitangan lain, LTT boleh melihat akibat kesalahan ke atas moral kakitangan lain yang terlibat itu.
4. Keadaan fizikal dan mental, umur, penyakit dan kesan ubat.
5. Rekod perkhidmatan pegawai meliputi tempoh berkhidmat, taraf jawatan, gaji dan emolomen.
6. Latihan atau kursus yang berkaitan dengan kes yang pernah diikuti oleh pegawai.
7. Kekerapan kesalahan yang dilakukan.
8. Jika melibatkan pemotongan kewangan, LTT boleh melihat jumlah pendapatan bersih termasuk potongan-potongan pinjaman, tanggungan dan lain-lain.
9. Kedudukan terkini, bebanan tugas dan sumbangan kepada Majlis.
10. **Pertimbangan lain yang difikirkan perlu oleh LTT.**

**tamat*